

Iklim sekolah berkesan pemangkin kecemerlangan



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUAHIMI TAAT
Bersama,
Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Ro'slee Talip, Abdul Said
Ambotang dan Shukri Zain

UB 01-08-2012 B4

Iklim sekolah ialah sifat dan suasana yang ada di sekolah dalam membezakannya dengan sekolah yang lain. Sifat dan suasana yang ada di sekolah adalah hasil interaksi antara guru dan pelajar serta masyarakat yang terdapat di sekolah itu secara keseluruhannya. Beberapa pakar pendidikan menyatakan bahawa iklim sekolah sebagai suatu fenomena sistem sosial yang membentuk persekitaran pembelajaran. Fenomena ini berlaku adalah kerana pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman yang berbeza berada di dalam satu-satu kumpulan di mana tingkah lakunya banyak bergantung pada bentuk protokol yang diwujudkan oleh pentadbir dan guru-guru. Iklim sekolah juga boleh didefinisikan sebagai suasana yang menggambarkan sekolah yang teratur, terkawal, tenang dan tertib yang menyediakan satu keadaan yang kondusif kepada proses pengajaran dan pembelajaran berkesan dan positif.

Seterusnya, budaya dan iklim sekolah merujuk kepada sejumlah nilai, budaya, praktis-praktis keselamatan dan struktur organisasi di sekolah yang mempengaruhi dan memberi kesan kepada proses pembentukan tingkah laku dan keselamatan pelajar di sekolah. Metodologi pengajaran dan pembelajaran, keterbukaan dan bentuk hubungan yang wujud antara pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar menyumbang kepada pembentukan iklim sekolah berkesan. Walau bagaimanapun, budaya sekolah dan iklim sekolah adalah dua bentuk yang saling berkaitan. Namun begitu, secara mudahnya iklim sekolah lebih merujuk kepada kesan persekitaran sekolah ke atas pelajar. Manakala, budaya sekolah lebih merujuk kepada cara dan gaya guru dan staf bekerja dalam satu kumpulan.

Beberapa kajian yang dijalankan berkaitan sekolah yang memiliki iklim berkesan mendapati bahawa antara ciri-ciri yang dikenalpasti ialah sesbuah sekolah itu mesti mempunyai kawasan sekolah yang bersih, cantik, selamat dan cukup untuk ruang belajar. Ianya bermaksud

pelajar dapat menggunakan dengan maksimum kemudahan sekolah yang telah disediakan dengan selesa. Gaya kepimpinan pengetua juga dilihat oleh beliau sebagai penyumbang kepada iklim sekolah berkesan iaitu pengamalan pengetua yang mengamalkan komunikasi terbuka di dalam pergaularan dengan guru dan pelajar. Sikap pengetua yang mudah bergaul akan memudahkan setiap warga sekolah berani untuk berbincang tentang apa jua masalah. Kewujudan suasana sebegini akan mengurangkan rasa tekanan dan seterusnya membantu meningkatkan motivasi.

Sikap pelajar yang positif dapat diwujudkan kerana keperibadian mereka boleh dibentuk sama ada semasa atau di luar kawasan sekolah, para pelajar sudah terdidik dengan norma-norma baik yang diamalkan di sekolah seperti memberi salam kepada guru dan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.

Komitmen para guru dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran juga tinggi kerana para pelajar dapat dikawal dengan baik dan tidak menimbulkan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Apabila iklim sekolah yang baik telah wujud di sesbuah sekolah, kerjasama para guru akan utuh terutama dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul di sekolah. Mereka tidak hanya menundung jari kepada para pentadbir sekolah tetapi bersama-sama berganding bahu membantu menyelesaikan sebarang pemasalahan yang timbul tanpa mempunyai perasaan terpaksa atau prasangka negatif. Antara ciri lain sekolah berkesan ialah perasaan kekitaan dalam kalangan murid-murid dan para guru akan wujud secara sendirinya dengan menerima sekolah sebagai sebuah keluarga yang mesra dan bahagia. Suasana begini akan mewujudkan rasa tenang, tenteram dan sudah tentu guru-guru akan sentiasa bersemangat untuk bekerja dan para pelajar pula bersemangat untuk belajar. Kewujudan suasana sebegini akan mengurangkan rasa tekanan dan seterusnya membantu meningkatkan motivasi.

Selain itu, para guru lebih profesional dan komited dalam tugas harian mereka. Ini bermaksud guru-guru dapat memberi tumpuan kepada kurikulum dan pengajaran. Mereka memahami bahawa tugas utama mereka di sekolah adalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, mereka perlu memastikan setiap aktiviti yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran benar-benar memberi kesan kepada pelajar. Guru-guru bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kesemua ciri ini menunjukkan bahawa guru-guru bersama-sama memberi sumbangan ke arah perjalanan dan perkembangan sekolah. Mereka juga berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan sekolah. Tujuh ciri yang dipilih ini juga mempunyai peranan yang perlu dilaksanakan oleh pengetua, guru-guru dan pelajar untuk mewujudkan iklim sekolah yang berkesan.

Selain itu, para guru lebih profesional dan komited dalam tugas harian mereka. Ini bermaksud guru-guru dapat memberi tumpuan kepada kurikulum dan pengajaran. Mereka memahami bahawa tugas utama mereka di sekolah adalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, mereka perlu memastikan setiap aktiviti yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran benar-benar memberi kesan kepada pelajar. Guru-guru bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kesemua ciri ini menunjukkan bahawa guru-guru bersama-sama memberi sumbangan ke arah perjalanan dan perkembangan sekolah. Mereka juga berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan sekolah. Tujuh ciri yang dipilih ini juga mempunyai peranan yang perlu dilaksanakan oleh pengetua, guru-guru dan pelajar untuk mewujudkan iklim sekolah yang berkesan.

Seorang pakar pendidikan, Howard (1987) menggariskan sebelas faktor iaitu lapan ciri khusus dan tiga ciri umum yang menyumbang kepada pembangunan iklim sekolah yang positif. Faktor-faktor khususnya ialah pertumbuhan akademik dan sosial yang berterusan iaitu pencapaian pelajar akan bertambah dengan iklim yang positif di sekolah. Nilai hormat-menghormati dan kebolehpercayaan juga dapat dibentuk, murid-murid dan guru mempunyai 'harga-diri' dan saling bertimbang rasa dan rasa percaya yang tinggi kepada orang lain. Selain itu, moral yang tinggi seperti murid dan staf berasa selesa dan baik berada di situ, kejelekitan dengan adanya rasa kepunyaan dan kekitaan, peluang kepada input iaitu mampu dan boleh menyumbang idea dan mengambil bahagian, pembaharuan dengan adanya keterbukaan kepada perubahan dan penambahbaikan serta penyayang seperti murid dan staf merasakan orang lain mengambil berat tentang mereka.

Manakala faktor umum yang boleh membangunkan iklim sekolah yang berkesan ialah melalui program-program kurikulum, aktiviti-aktiviti dan polisi-polisi, proses mengajar dan stail pembelajaran, penyelesaian masalah dan komunikasi, sumber-sumber bahan dan kemudahan-kemudahan di sekolah. Aspek atau ciri-ciri yang ditunjukkan dalam sekolah berkesan dan pembangunan berterusan adalah daripada kepimpinan pengajaran yang berkesan, tujuan yang jelas, iklim sekolah yang teratur, tertib dan selamat, jangkaan penguasaan minima semua murid, ujian digunakan bagi penilaian dan membentulkan arah program, matlamat akademik yang jelas, penglibatan ibu bapa dan penjaga dan wujudnya kesejawatan. Justeru adalah diharapkan agar semua warga sekolah dapat menjelmakan iklim sekolah berkesan yang telah terbukti berupaya menjadi pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah sekolah.

Manakala faktor umum yang boleh membangunkan iklim sekolah yang berkesan ialah melalui program-program kurikulum, aktiviti-aktiviti dan polisi-polisi, proses mengajar dan stail pembelajaran, penyelesaian masalah dan komunikasi, sumber-sumber bahan dan kemudahan-kemudahan di sekolah. Aspek atau ciri-ciri yang ditunjukkan dalam sekolah berkesan dan pembangunan berterusan adalah daripada kepimpinan pengajaran yang berkesan, tujuan yang jelas, iklim sekolah yang teratur, tertib dan selamat, jangkaan penguasaan minima semua murid, ujian digunakan bagi penilaian dan membentulkan arah program, matlamat akademik yang jelas, penglibatan ibu bapa dan penjaga dan wujudnya kesejawatan. Justeru adalah diharapkan agar semua warga sekolah dapat menjelmakan iklim sekolah berkesan yang telah terbukti berupaya menjadi pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah sekolah.